

# Bakal miliki bangunan sendiri

Maji perkasakan IASWJ melalui pendekatan holistik bagi melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti

**SEGAMAT** - Majlis Agama Islam Johor (Maji) terus memperkasakan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ) dengan merancang membina satu kawasan khusus bagi IASWJ di Bandar Universiti Pagoh, dalam masa terdekat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Rofiki Shamsudin berkata, kawasan berkeluasan kira-kira 0.3 hektar juga telah dipilih bagi menjadikan IASWJ sebagai pusat rujukan bagi fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Buat masa sekarang, IASWJ ini diletakkan di Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM) dan mendapat kerjasama Maji sejak ia mula ditubuhkan pada 2012 dengan idea dan inisiatif yang digagaskan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan

Iskandar.

"IASWJ ini adalah institut penyelidikan dan perundingan dalam pelbagai bidang berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui pendekatan holistik bagi melahirkan modal insan yang kompeten dan berintegriti," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas Program Khidmat Masyarakat Insaniah dan Fortun Perdana Zakat di Balai Raya Kampung Lubok Kepong, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Adun Buloh Kasap, Norshida Ibrahim dan Ketua Kampung Lubok Kepong, Khalid Ibrahim.

Menurutnya, pihaknya belum menerima sebarang raya daripada 16 individu yang dilarang memberi ceramah atau mengajar Islam di negeri ini selepas pengumuman ter-

sebut dibuat oleh Pengurus Jawatankuasa Agama negeri, Abdul Mutalip Abdul Rahim, baru-baru ini.

"Mungkin perkara ini masih baharu lagi dan pihak kami memandang serius ancaman akidah di negeri ini termasuk memberi ceramah dan menyebarkan fahaman tidak sealaran dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Kami tak mahu rakyat di negeri ini terkeliru dan cukuplah berpegang dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mereka yang melihat sebarang aktiviti bercanggah dengan Islam dan fahaman ini di negeri ini boleh terus melapor kan kepada kami," katanya.

Dalam perkembangan lain, Maji telah membelanjakan RM40 juta tahun lalu hanya untuk 3,000 pesakit buah



Mohd Rofiki (dua,kiri) menyerahkan bantuan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Norshida (tiga, kanan).

pinggang yang memerlukan rawatan dialisis, selain me mandang berat masalah buta huruf dan kemiskinan umat

Islam di negeri ini.

Beliau juga berharap jumlah pembayar zakat dan jumlah kutipan zakat di negeri ini

meningkat pada masa akan datang bagi membolehkan lapan golongan asnaf dapat terus dibantu.